



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

MORATARIUM BAYARAN BALIK PINJAMAN BAGI MANGSA-MANGSA BANJIR OLEH AGENSI-AGENSI KUSKOP

Putrajaya, 27 September – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menerusi agensi-agensi di bawahnya amat prihatin dengan nasib usahawan-usahawan yang terkesan akibat bencana banjir yang melanda beberapa buah negeri di utara tanah air baru-baru ini. Untuk itu, agensi-agensi KUSKOP telah menawarkan beberapa inisiatif dan moratorium bagi mengurangkan beban usahawan terbabit.

TEKUN Nasional menawarkan moratorium sehingga 6 bulan kepada usahawan yang menghadapi kesukaran untuk membayar balik pembiayaan akibat terkesan dengan banjir. Selain itu, usahawan TEKUN yang terjejas dengan banjir dibenarkan untuk mengeluarkan simpanan dalam akaun pembiayaan mereka dan boleh membuat penjadualan semula pembiayaan.

Bagi usahawan TEKUN yang mengalami kerosakan premis perniagaan dan stok barangan, mereka boleh memohon pembiayaan bertindih (*overlapping*) untuk memulakan semula perniagaan yang terjejas. Sehingga kini seramai 98 orang usahawan TEKUN di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis dikenalpasti terjejas akibat bencana banjir dengan anggaran kerugian RM383,000.

Bank Rakyat pula menawarkan penangguhan sementara bayaran ansuran bulanan untuk tempoh sehingga enam bulan sepanjang tempoh pembiayaan. Antara produk yang ditawarkan menerusi kemudahan ini adalah Pembiayaan Peribadi-i, Pembiayaan Perumahan-i, Pembiayaan Kenderaan-i, Sewa Beli Kenderaan-i, Pajak Gadai-i, Pembiayaan Pendidikan-i dan Pembiayaan Mikro-i.

Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) pula menawarkan bantuan banjir berbentuk moratorium 3 hingga 6 bulan untuk bayaran ansuran bulanan tertakluk kelulusan pengurusan.

Selain itu, atas dasar keprihatinan agensi KUSKOP iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pula menyampaikan sumbangan bantuan banjir berupa Bakul Makanan di Kedah dan Melaka bernilai RM40,000. Penyerahan sumbangan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Usahawan-usahawan yang terjejas banjir boleh hubungi pejabat cawangan agensi-agensi KUSKOP berhampiran bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai inisiatif banjir yang ditawarkan.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
27 SEPTEMBER 2024**